

08 OCT 1998

Annuar-pembangunan

DR MAHATHIR UTAMAKAN KEPENTINGAN RAKYAT

KOTA BAHARU, 8 Okt (Bernama) -- Kesemua rancangan pembangunan yang kini dinikmati oleh rakyat seperti rumah kos rendah, program pembangunan rakyat termiskin dan program pertumbuhan ekonomi adalah sumbangan dan ide Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad, kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

Beliau berkata dakwah dan dakwaan sesetengah pihak kononnya Perdana Menteri hanya mementingkan projek mega tidak benar kerana Dr Mahathir sendiri sering mengarahkan pihak tertentu mengadakan program bagi kepentingan rakyat.

"Program-program ini telah dibuat sebaik sahaja Perdana Menteri mengambil alih teraju pemerintahan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan taklimat khas isu politik semasa kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Kelantan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian mengenai tindakan pihak tertentu yang memburukkan-burukkan Perdana Menteri dan kerajaan di luar negara dengan mengatakan program rakyat adalah sumbangan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala Dr Mahathir hanya mementingkan projek mega.

Annuar berkata bukti kukuh keberkesanan kepimpinan Dr Mahathir ialah ketika membawa negara keluar daripada belenggu kemerosotan ekonomi pada pertengahan tahun 1980an.

"Atas kecekapan Perdana Menteri, kita dapat keluar daripada suasana itu dan mengekalkan tahap pertumbuhan ekonomi yang memberansangkan sekitar 9 peratus setahun bagi tempoh sembilan tahun berturut-turut," katanya.

Mengenai cadangan PAS menjadikan penghapusan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebagai sebahagian manifesto pilihan rayanya, Annuar berkata kerajaan tidak pernah menyalahgunakan ISA bagi kepentingan diri.

"Kerajaan hanya menggunakan ISA bagi memastikan tidak berlaku huru-hara kerana jika berlaku pertumpahan darah semua rakyat akan susah," katanya.

Annuar juga meminta anggota Umno untuk mengawasi tindakan parti pembangkang yang cuba mengambil kesempatan meraih simpati rakyat ekoran daripada pemecatan Anwar dari Umno.

-- BERNAMA

RAR MAI